

DAUN KECIL
Lesser Green Leafbird

FAMILI: Chloropseidae
NAMA SAINTIFIK: *Chloropsis cyanopogon*



CIRI-CIRI

Burung jantan dewasa bersaiz lebih kecil di samping paruh yang juga kecil berbanding betina. Bahagian dahi dan sempadan antara tompok hitam pada bawah tekak dan atas dada pula berwarna kekuningan, dan ketiadaan tompok kecil berwarna biru pada sayap. Bagi burung betina dewasa pula, seluruh badan adalah berwarna hijau dengan bahagian dahi yang berwarna hijau keemasan dengan jalur memanjang ke belakang pada bahagian bawah kepala berwarna biru atau biru keunguan. Panjang keseluruhan spesies ini adalah di antara 16.0-19.0 sm.

MAKANAN

Serangga, buah-buahan dan juga nektar.

HABITAT

Kawasan hutan dipterokap seperti hutan tanah pamah, kawasan pingiran hutan, hutan paya bakau, hingga ke ketinggian 700 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi yang pelbagai, siulan dengan 4 nota dengan nota ketiga yang agak ditekankan.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah dari bulan Mac hingga April setiap tahun.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.
IUCN, hampir terancam.